

# Dua termasuk penuntut UTHM maut nahas

BATU PAHAT 20 Jun - Dua termasuk seorang penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) maut dalam kemalangan melibatkan dua buah kereta di Kilometer 3, Jalan Muar-Yong Peng di sini awal pagi ini.

Nahas kira-kira pukul 4.15 pagi itu berpunca daripada sebuah kereta Proton Saga dipandu seorang pemuda, Ler Wei Jie, 21, yang terbabas ketika melalui jalan tersebut lalu melanggar sebatang pili bomba di bahu jalan, mengakibatkan mangsa tercampak ke-

luar dari kenderaannya.

Sebuah lagi kereta Perodua Kancil yang dipandu mangsa kedua, Arief Izzat Izzuddin Mohd. Ayob, 19, yang mengekori dari arah belakang pula gagal mengelak lalu merempuh kenderaan terbabit.

Wei Jie yang cedera parah mati di lokasi kejadian manakala Arief Izzat Izzuddin, penuntut tahun satu jurusan Kejuruteraan Elektrik UTHM pula meninggal dunia ketika menerima rawatan di Hospital Sultanah Nora Is-

mail (HSNI) pada pukul 7.50 pagi.

Timbalan Ketua Polis Daerah, Supritendan Mat Razali Awang berkata, dua lagi rakan Arief Izzat Izzuddin yang berada di dalam kereta itu cedera dan dirawat di HSNI.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 kerana memandu secara cuai sehingga mengakibatkan kematian," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, adik Arief Izzat Izzuddin, Izzat Hakim Mohd. Ayob, 15,

berkata, abangnya yang baru selesai menduduki peperiksaan akhir semalam, dalam perjalanan pulang ke rumah mereka di Segamat dengan membawa dua rakannya.

"Abang sepatutnya akan ke Kedah untuk mengambil dokumen di bekas sekolahnya di Kedah dan menumpangkan dua rakannya itu yang mahu pulang ke Kuala Lumpur dan Kedah," katanya sambil memberitahu, abangnya sedang bercuti semester selama tiga bulan bermula hari ini.



**ARIEF IZZAT IZZUDDIN**